

Ikrar bersama bukti dedikasi semua negara basmi dadah — PM

UM 27 JUN 1987

VIENNA 26 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan ikrar deklarasi bersama yang diterima oleh Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah hari ini membuktikan bahawa tidak ada negara atau pemimpin politik akan mengambil sikap tidak peduli ke atas usaha atau pendirian masyarakat antarabangsa di dalam kempennya membasmi bencana tersebut. Perdana Menteri selaku presiden persidangan itu berkata, kehadiran 139 buah negara dan 173 pertubuhan bukan kerajaan dan wakil-wakil dari semua peringkat dengan 82 orang menteri yang mengambil bahagian dalam persidangan itu termasuk pakar-pakar membuktikan betapa dedikasi semua negara dalam kempen pembasmian ini. "Tindakan kita mesti merupakan komitmen politik yang lebih tinggi lagi dan kalau timbul soalan

sama ada politik kita mencukupi untuk membanteras kegiatan ini maka saya berkata memang ada," tegasnya. Dalam kenyataan di upacara penutup Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah di pusat persidangan Vienna, beliau menarik perhatian bahawa deklarasi yang diterima ini juga mencerminkan usaha secara kolektif semua negara untuk mencegah sebarang kegiatan dadah. "Ia menggariskan tanggungjawab bersama untuk menyediakan kemudahan dan sumber-sumber bagi memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah dengan cara yang lebih sistematik dan pendekatan yang seimbang," katanya. Ini juga akan menyediakan galakan yang kuat ke atas golongan profesional dan petugas-petugas lain di dalam usaha-usaha pencegahan. Dalam hubungan ini kata Datuk Sri Dr. Mahathir,

"kita perlu bertanya diri kita sendiri sama ada kita sebagai masyarakat antarabangsa dapat memenuhi komitmen kita melalui tindakan yang berkesan dalam usaha-usaha kita? Katanya sudah tentu sambutannya ialah di atas garis panduan menyeluruh pelbagai disiplin bagi membasmi penyalahgunaan dan pengedaran dadah (CMO) yang mana walaupun tidak mempunyai carta undang-undang tetapi sedikit sebanyak boleh diiktirafkan sebagai usaha-usaha moral ke arah usaha-usaha kolektif setiap negara bagi melaksanakan garis panduan untuk mengurangkan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Menurut beliau, setiap orang, negara dan institusi antarabangsa akan mendapati bahawa CMO adalah perlu bagi menyumbangkan ke arah integrasi sejagat dalam usaha-usaha pembasmian ini.

"Tidak ada negarapun akan berkata bahawa cadangan-cadangan yang terdapat di dalam CMO itu tidak berupaya dan tidak ada sumbangan yang boleh diberikan di dalam usaha-usaha pembasmian dadah tetapi pada pendapat saya di mana ada keupayaan politik di situ perkara itu boleh dilaksanakan," tegasnya. Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian persidangan bahawa usaha-usaha yang lebih haruslah diambil di peringkat antarabangsa untuk menambahkan lagi sumbangan kewangan sekiranya setiap negara hendak membanteras kegiatan pengedaran dan

penagihan dadah. "Sudah tentu meningkatkan sumbangan kewangan sahaja tidak mencukupi tanpa usaha-usaha lain terutama dari badan-badan di pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di dalam penglibatan mereka memerangi gelaja dadah ini," tegas beliau. Beliau menarik perhatian terdapat ada cadangan supaya sebuah badan ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan segala cadangan yang terdapat di dalam persidangan ini tetapi memandangkan kepada masalah kewangan yang dihadapi oleh dunia maka ia hanya diuruskan melalui institusi yang ada.